

Jangan tolak dunia: Mahathir

(6)
KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan masyarakat Islam meningkatkan penguasaan ilmu seimbang dengan amalan agama dalam usaha mencapai matlamat kemajuan dan kegemilangan pada abad ke-21.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, mereka perlu berusaha menyaingi negara maju di segi penguasaan pelbagai ilmu yang boleh menjadikan negara Islam kukuh, kuat dan mampu menangkis segala ancaman.

"Imbangan di antara dunia dan akhirat mesti mempengaruhi setiap kegiatan umat Islam. Dunia tidak boleh ditolak kerana mementingkan akhirat manakala akhirat juga tidak boleh ditolak kerana keperluan dunia.

"Walaupun banyak negara yang ditakrif negara maju, kita juga tahu bahawa kemajuan mereka di segi intelek dan fizikal diiringi dengan keruntuhan moral dan akhlak yang ketara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kongres Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020 dan melancarkan Institut Kefahaman Islam

Malaysia (Ikim) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim; beberapa menteri Kabinet serta diplomat asing.

Dr Mahathir berkata, tafsiran yang berbeza, mengeliru dan melemahkan umat Islam perlu dikaji dengan teliti supaya dapat diperbetul.

"Ajaran yang ditafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian daripada Nabi Muhammad tidak boleh dianggap setaraf dengan ajarannya dan dengan itu boleh diulas, diselidik atau digugurkan jika didapati bercanggah dengan al-Quran dan hadis," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri menegaskan, kalangan ilmuan yang akan menyelidik bidang tertentu di Ikim perlu mempunyai pandangan terbuka dan berani menyoal pandangan yang *orthodox*.

Sementara itu, bercajak kepada pemberita, Dr Mahathir berkata, tentangan hebat akan datang daripada mereka yang benar-benar percaya bahawa apa yang mereka

percaya dan ajar adalah benar dan tidak boleh disoal manakala sebarang keraguan dianggap bertentangan dengan akidah.

"Baru-baru ini kontroversi berkenaan teori '*big bang*' (letupan besar) yang menjadikan alam raya. Mengikut fahaman lama, tidak ada letupan besar, sebaliknya kita fahami bahawa langit dan bumi tidak begitu jauh.

"Sekarang kita fahami bahawa ada kemungkinan letupan besar ini berlaku dan juga mengenai jarak bintang dan bumi jauhnya berbanding perjalanan cahaya mungkin 100 atau 1,000 tahun baru sampai.

"Ini adalah pendapat baru. Tetapi ia tidak menidakkan kebenaran Islam, bahkan membuktikan kebesaran Tuhan iaitu alam raya ini tidak sebesar yang kita fikir, jauh lebih besar daripada itu, oleh itu harus kita terima," katanya.

Katanya, Ikim ditubuhkan untuk mengkaji perkara seumpama itu bagi menghilangkan silap tafsiran yang berleluasa di kalangan umat Islam sejak 1,400 tahun lalu.